



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 1/ 2024



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 1 | 2024

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 &C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram : StatsMalaysia
Emel : info@dosm.gov.my
data@dosm.gov.my

Diterbitkan pada Januari 2024.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	SOROTAN PENTING	
06	INDIKATOR EKONOMI UTAMA	
08	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
12	RENCANA	
19	SNAPSHOT	
20	PERTANIAN	31
25	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	35
27	PERKHIDMATAN	39
		HARGA
		43
		WAY FORWARD
		46
		INDIKATOR EKONOMI
		60
		AHLI MESR
		61
		PENGHARGAAN

Seiring melangkah ke lembaran Tahun Baharu, saya ingin mengucapkan semoga anda semua terus dilimpahi kegembiraan menempuhi tahun 2024. Semoga tahun 2024 dan tahun-tahun mendatang terus menzahirkan sisipan yang gemilang dan makmur disamping kita bersama-sama berusaha ke arah pembentukan masyarakat yang lebih baik sebagai individu dan menyumbang kepada kemampanan negara. Sesungguhnya kami di Jabatan Perangkaan Malaysia amat terharu di atas sokongan dan dorongan berterusan anda selama beberapa tahun ini. Pandangan dan maklum balas yang membina daripada anda telah mendorong kami untuk berusaha meningkatkan kecemerlangan dalam menghasilkan statistik dan penerbitan yang dipercayai dan berkualiti tinggi untuk pembaca setia kami.

Justeru itu, saya dengan takzimnya mengalu-alukan anda ke Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) 2024 bagi siri yang pertama. Edisi ini memberi tumpuan kepada prestasi ekonomi berdasarkan statistik terkini yang diterbitkan bagi bulan rujukan November dan Disember 2023. Tambahan pula, siri ini memuatkan satu artikel khas bertajuk 'Memahami Trend Tenaga Buruh Wanita di Malaysia,' yang memperihalkan situasi pemerksaan wanita melalui pemerhatian trend statistik dalam penyertaan tenaga buruh.

Menelusuri konteks ekonomi global yang dinamik dan kompleks, laporan Prospek Ekonomi Global Januari 2024 yang dikeluarkan oleh Bank Dunia melaporkan bahawa aktiviti ekonomi dunia akan terus perlahan. Trend yang suram ini dijangka berterusan dengan laporan tersebut meramalkan pertumbuhan perlahan kepada 2.4 peratus pada tahun 2024 iaitu merekodkan aliran sederhana bagi tahun ketiga berturut-turut. Pertumbuhan sederhana sebahagian besarnya dipengaruhi oleh peningkatan risiko geopolitik dan peningkatan ketidakpastian dalam pasaran komoditi ekoran konflik terkini di Timur Tengah. Selain itu, ekonomi global masih berdepan dengan impak berterusan daripada krisis bertindih selama empat tahun kebelakangan ini, termasuk pandemik COVID-19, pencerobohan Russia ke atas Ukraine, dan lonjakan inflasi yang seterusnya mendorong kepada pengetatan keadaan kewangan global.

Seterusnya, pertumbuhan ekonomi negara maju diramalkan mencapai nilai terendah sebanyak 1.2 peratus pada tahun 2024, dengan United States tumbuh perlahan kepada 1.6 peratus, manakala kawasan Euro dijangka menunjukkan peningkatan sederhana sebanyak 0.7 peratus. Selain itu kumpulan negara yang berkembang pesat dan sedang membangun (EMDE) diramalkan mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 3.9 peratus dalam tempoh 2024-2025. Sementara itu, pertumbuhan China dijangka menyederhana pada tahun semasa disebabkan sentimen pengguna yang lemah dan penurunan berterusan dalam sektor hartanah yang memberikan tekanan kepada permintaan dan keseluruhan aktiviti ekonomi.

Menyentuh senario ekonomi Malaysia, trajektori ekonomi Malaysia pada suku keempat tahun 2023 menunjukkan pertumbuhan sederhana berdasarkan anggaran KDNK awalan iaitu sebanyak 3.4 peratus. Ini menunjukkan peningkatan sedikit daripada 3.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, dari segi perbandingan suku tahun ke suku tahun, ekonomi menyederhana kepada 3.5 peratus berbanding pertumbuhan kukuh 5.2 peratus pada suku ketiga tahun yang sama. Diperhatikan bahawa sektor Perkhidmatan mengekalkan kedudukannya sebagai pemacu utama prestasi ekonomi pada tempoh berkenaan dengan pertumbuhan positif direkodkan di semua sektor lain.

Melihat kepada gambaran keseluruhan, prestasi ekonomi Malaysia untuk tahun 2023 menunjukkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu sebanyak 3.8 peratus, menunjukkan pertumbuhan ketara yang lebih kecil berbanding pertumbuhan kukuh sebanyak 8.7 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sederhana dipengaruhi oleh kejatuhan dalam eksport barangan yang mengalami penurunan sebanyak 8.0 peratus pada tahun 2023 berikutan permintaan global yang lemah dan harga komoditi yang rendah.

DOSM berbangga diberi kepercayaan bagi menerajui pembangunan dan pengemaskinian Pangkalan Data Utama (PADU) yang menggunakan sumber data mikro dan data pentadbiran yang terdapat di setiap agensi Kerajaan. Pewujudan PADU sebagai pangkalan data yang komprehensif merupakan prakarsa penting dalam sistem pentadbiran negara dan berperanan sebagai peneraju Kerajaan Digital.

Majlis Peluncuran PADU telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 2 Januari 2024 dan secara rasminya PADU telah dibuka untuk pendaftaran kepada rakyat Malaysia sehingga 31 Mac 2024. Pendaftaran boleh dilakukan secara dalam talian atau di salah satu daripada 44 Pejabat Operasi DOSM, 911 Pusat Ekonomi Digital (PEDI), dan 27 Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara bagi memudahkan proses pendaftaran tersebut.

DOSM telah mengambil pelbagai strategi untuk meningkatkan bilangan pendaftaran termasuk mengadakan kunjungan ke kawasan desa dan luar bandar untuk memastikan pendaftaran PADU lebih menyeluruh. Baru-baru ini, DOSM juga telah melaksanakan inisiatif PADU HOUR sebagai satu usaha yang dijalankan secara fizikal dan atas talian yang dibantu oleh anggota DOSM untuk mengukuhkan pemahaman dan kesedaran orang awam terhadap PADU serta bagi meningkatkan pendaftaran PADU. Sehingga 30 Januari 2024, jumlah pengemaskinian PADU telah meningkat kepada 2.16 juta orang. Oleh itu, saya menyeru semua rakyat Malaysia untuk menjadikan inisiatif ini berjaya dengan mendaftar dan mengemaskini maklumat anda di PADU.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian." Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Januari 2024

SOROTAN PENTING

- Laporan Prospek Ekonomi Global edisi Januari 2024 oleh Bank Dunia menunjukkan kelembapan ekonomi global berterusan pada 2024 pada kadar 2.4 peratus, dipengaruhi oleh peningkatan risiko geopolitik dan ketidakpastian kesan daripada konflik Timur Tengah. Unjuran meramalkan pemulihan kepada pertumbuhan global 2.7 peratus pada 2025, didorong oleh faktor seperti kadar inflasi yang lebih baik, penurunan kadar faedah dan pengukuhan pertumbuhan perdagangan.
- Berdasarkan anggaran KDNK Awalan Malaysia, ekonomi Malaysia dianggarkan berkembang 3.4 peratus pada suku tahun keempat 2023. Meningkat sedikit daripada suku tahun sebelumnya, namun prestasi suku tahun ke suku tahun lebih rendah kepada 3.5 peratus daripada 5.2 peratus pada ST3. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama prestasi ekonomi, dengan pertumbuhan positif di semua sektor. Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi bagi keseluruhan 2023 perlahan kepada 3.8 peratus, berbanding 8.7 peratus pada tahun sebelumnya, dipengaruhi oleh kemerosotan dalam eksport barangan dan prestasi sektor Pembuatan yang sederhana.
- Pengeluaran getah asli meningkat 9.3 peratus tahun ke tahun kepada 30,669 tan metrik pada November 2023 (November 2022: 28,048 tan metrik). Secara bulanan, pengeluaran menurun 6.9 peratus berbanding 32,944 tan metrik pada Oktober 2023. Sementara itu, pengeluaran buah tandan segar pada Disember 2023 menurun 4.2 peratus tahun ke tahun kepada 7,949,566 tan metrik (Disember 2022: 8,299,966 tan metrik). Begitu juga, pengeluaran bulanan menurun 11.8 peratus berbanding November 2023 (9,015,252 tan metrik).
- Pada masa yang sama, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatatkan peningkatan secara marginal tahun ke tahun 0.6 peratus pada November 2023, berbanding pertumbuhan pada bulan sebelumnya 2.4 peratus. Peningkatan ini didorong oleh pengembangan sederhana dalam sektor Perlombongan pada 1.9 peratus (Oktober 2023: 7.4%) dan pertumbuhan 4.2 peratus dalam sektor Elektrik (Oktober 2023: 5.6%). Bagaimanapun, sektor Pembuatan mengalami kemerosotan, mencatatkan negatif 0.1 peratus selepas bertumbuhan positif untuk dua bulan berturut-turut (Oktober 2023: 0.9%).
- Dari segi nilai jualan, sektor Pembuatan merosot 2.6 peratus tahun ke tahun pada November 2023, berbanding penurunan 1.4 peratus pada bulan sebelumnya. Penyusutan ini dipengaruhi terutamanya oleh penurunan 10.8 peratus dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & produk plastik (Oktober 2023: -9.5%) dan penurunan 5.3 peratus dalam subsektor produk Elektrik & elektronik (Oktober 2023: -2.7%).
- Nilai jualan bulanan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencecah RM142.6 bilion dengan pertumbuhan tahunan 6.2 peratus pada November 2023. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan Borong, yang melonjak 6.2 peratus atau RM3.7 bilion untuk merekodkan RM63.2 bilion. Selain itu, pertumbuhan itu turut disumbangkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Runcit masing-masing meningkat 4.4 peratus (+RM2.6 bilion) dan 12.7 peratus (+RM2.0 bilion).
- Inflasi Malaysia direkodkan pada 1.5 peratus pada November 2023 dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) dicatatkan pada 130.9 berbanding 129.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan IHP didorong oleh kenaikan bagi Restoran & Hotel, 4.3 peratus (Oktober 2023: 4.6%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 2.6 peratus (Oktober 2023: 3.6%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.7 peratus (Oktober 2023: 1.6%). Subkumpulan lain yang turut menunjukkan peningkatan ialah Kesihatan; Pelbagai Barangan & Perkhidmatan; Pendidikan; Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah; Perkhidmatan & Kebudayaan Rekreasi; Minuman Beralkohol & Tembakau, dan Pengangkutan. Bagi Disember 2023, kadar inflasi kekal stabil pada 1.5 peratus, dengan mata indeks dicatatkan pada 131.2, berbanding 129.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.
- Sebaliknya, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menurun 1.5 peratus pada November 2023 selepas penurunan kecil 0.3 peratus pada Oktober 2023. Semua sektor menunjukkan penurunan kecuali bekalan Air yang meningkat 1.0 peratus pada bulan ini. Sektor Perlombongan menurun 4.7 peratus tahun ke tahun, diikuti oleh penurunan dalam sektor Pembuatan (-1.4%), Pertanian, perhutanan & perikanan (-0.4%), dan Bekalan elektrik & gas (-0.6%). Pada Disember 2023, IHPR mengekalkan penurunan sebanyak 1.3 peratus, lebih baik berbanding penurunan 1.5 peratus pada November 2023.


- Meninjau kepada prestasi perdagangan Malaysia, jumlah perdagangan menurun 2.4 peratus tahun ke tahun kepada RM231.8 bilion pada November 2023 (November 2022: RM237.6 bilion). Eksport susut 5.9 peratus kepada RM122.1 bilion, manakala import meningkat 1.7 peratus kepada RM109.7 bilion. Mengambil kira nilai eksport yang lebih besar berbanding import, imbangan perdagangan kekal dengan lebihan pada RM12.4 bilion. Prestasi perdagangan pada Disember 2023 menunjukkan penurunan berterusan 4.3 peratus tahun ke tahun dalam jumlah dagangan kepada RM225.1 bilion. Eksport mencecah RM118.5 bilion dan import RM106.7 bilion.
- Berbanding November tahun lepas, pasaran buruh Malaysia menunjukkan peningkatan tahunan 2.0 peratus dalam bilangan pekerja pada November 2023, berjumlah 16.43 juta orang (November 2022: 16.11 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) direkodkan pada 70.1 peratus, peningkatan 0.3 mata peratus daripada 69.8 peratus pada November 2022. Susulan itu, kadar pengangguran berkurang 0.3 mata peratus berbanding November tahun sebelumnya berada pada kadar 3.3 peratus.
- Pada November 2023, Indeks Pelopor Malaysia menunjukkan penurunan 0.2 peratus kepada 109.8 mata daripada 110.0 mata tahun sebelumnya, disebabkan terutamanya oleh penurunan ketara dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (-25.8%). Sebaliknya, Indeks Perusahaan Bursa Malaysia berkembang 17.1 peratus dan kekal positif sejak Mei 2023, menunjukkan arah aliran positif. Prestasi Indeks Pelopor bulanan menunjukkan tanda-tanda pemulihan, dengan lonjakan 0.5 peratus berbanding bulan sebelumnya, didorong oleh peningkatan Import Benar Semikonduktor (1.0%). Walaupun menghadapi ketidakpastian pasaran antarabangsa, ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan sederhana, disokong oleh prestasi berdaya tahan industri berorientasikan domestik.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA

Indeks Pelopor

109.8


NOVEMBER 2023



Kadar Pengangguran

3.3%


NOVEMBER 2023



Pengeluaran Buah Tandan Segar

-4.2%


DISEMBER 2023



Pengeluaran Getah Asli

9.3%


NOVEMBER 2023



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

0.6%


NOVEMBER 2023



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

-2.6%

NOVEMBER 2023




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


**Nilai Jualan Perdagangan
Borong & Runcit**

6.2%
NOVEMBER 2023




**Indeks Volum Perdagangan
Borong & Runcit**

4.7%
NOVEMBER 2023




Eksport

-10.0%
DISEMBER 2023




Import

2.9%
DISEMBER 2023




**Indeks Harga Pengguna
(IHP)**

1.5%
DISEMBER 2023



**Indeks Harga Pengeluaran
(IHPR) Pengeluaran
Tempatan**

-1.3%
DISEMBER 2023



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

Ekonomi Dunia

Menurut laporan Prospek Ekonomi Global terkini dari Bank Dunia yang diterbitkan pada Januari 2024, aktiviti ekonomi global semakin perlahan secara berterusan, dengan jangkaan pertumbuhan yang menyederhana kepada 2.4 peratus pada tahun 2024, menandakan penurunan tiga tahun berturut-turut. Ini sebahagiannya berikutan daripada risiko geopolitik dan ketidakpastian di pasaran komoditi yang meningkat, berpunca daripada konflik terkini di Timur Tengah. Situasi ini berlaku ketika ekonomi dunia bergelut dengan kesan yang berpanjangan daripada kejutan yang berganda sejak empat tahun lalu - pandemik COVID-19, pencerobohan Persekutuan Rusia ke atas Ukraine, dan peningkatan inflasi yang diikuti dengan dasar kewangan global yang semakin ketat. Unjuran menunjukkan bahawa pertumbuhan global dijangka pulih kepada 2.7 peratus pada tahun 2025, didorong oleh kelembapan berterusan inflasi, penurunan kadar faedah, dan pengukuhan pertumbuhan perdagangan.

Pertumbuhan ekonomi negara maju dijangka mencapai titik terendah pada 1.2 peratus pada tahun 2024, di mana United States of America mengalami peningkatan yang perlahan kepada 1.6 peratus, sementara Euro Area dijangka bertumbuh sederhana pada 0.7 peratus. Pada tahun 2025, unjuran menunjukkan peningkatan prestasi bagi ekonomi maju kepada 1.6 peratus. Kenaikan ini dikaitkan dengan pemulihan berterusan Euro Area kepada 1.6 peratus, dan pertumbuhan United States menokok 1.7 peratus, menghampiri trend jangka panjangnya di tengah-tengah penurunan inflasi dan dasar monetari yang lebih baik.

Unjuran menunjukkan bahawa Pasaran Baharu dan Ekonomi Membangun (EMDEs) dijangka mencapai purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.9 peratus bagi tempoh 2024-2025. Sementara itu, pertumbuhan China dijangka perlahan pada tahun ini dipengaruhi oleh sentimen pengguna yang merosot dan penurunan berterusan dalam sektor hartanah, yang memberi tekanan kepada permintaan dan aktiviti ekonomi secara keseluruhan.

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK Sebenar dan Prospek Ekonomi Global oleh Bank Dunia, 2021-2025

Negara	2021	2022	2023 ^e	2024 ^f	2025 ^f
Dunia	6.2	3.0	2.6	2.4	2.7
Ekonomi Maju	5.5	2.5	1.5	1.2	1.6
United States of America	5.8	1.9	2.5	1.6	1.7
Euro Area	5.9	3.4	0.4	0.7	1.6
Japan	2.6	1.0	1.8	0.9	0.8
Pasaran Baharu dan Ekonomi Membangun	7.0	3.7	4.0	3.9	4.0
China	8.4	3.0	5.2	4.5	4.4
Indonesia	3.7	5.3	5.0	4.9	4.9
Thailand	1.5	2.6	2.5	3.2	3.1
Malaysia	3.3	8.7	3.9	4.3	4.2
Philippines	5.7	7.6	5.6	5.8	5.8
Vietnam	2.6	8.0	4.7	5.5	6.0
Brazil	5.0	2.9	3.1	1.5	2.2
Mexico	5.8	3.9	3.6	2.6	2.1
Argentina	10.7	5.0	-2.5	2.7	3.2
Saudi Arabia	3.9	8.7	-0.5	4.1	4.2

Sumber: Global Economic Prospects January 2024, World Bank

Nota:

e - Anggaran

f - Unjuran

Unjuran tersebut meramalkan peningkatan dalam pertumbuhan perdagangan global pada tahun 2024, didorong sebahagiannya oleh pemulihan permintaan terhadap barangan, terutamanya dalam perdagangan ekonomi maju. Pada masa yang sama, dijangkakan inflasi global akan terus berkurang, disokong oleh jangkaan kemerosotan dalam pertumbuhan permintaan global dan penurunan sederhana dalam harga komoditi. Permintaan yang lemah ini adalah kesan daripada dasar monetari dan kredit yang lebih ketat, ditambah pula dengan penurunan perlahan dalam pasaran tenaga buruh.

Berdasarkan anggaran awalan, Kementerian Perdagangan dan Industri (MTI) Singapore melaporkan bahawa ekonomi negara tersebut mencatatkan pertumbuhan 2.8 peratus pada suku keempat tahun 2023. Sektor pembuatan menunjukkan pertumbuhan yang signifikan sebanyak 3.2 peratus, dipacu oleh peningkatan output dalam semua kluster kecuali kluster kejuruteraan. Sementara sektor pembinaan pula menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.1 peratus, melepasi pertumbuhan 6.2 peratus dalam suku tahun sebelumnya. Kedua-dua output pembinaan sektor awam dan swasta mengalami peningkatan pada suku keempat 2023.

Ekonomi Vietnam mengekalkan momentum pemulihan suku ke suku sepanjang tahun, dengan kadar pertumbuhan 3.4 peratus pada Januari-Mac, 4.3 peratus pada April-Jun, 5.5 peratus pada Julai-September dan 6.3 peratus pada Oktober-Disember. Sektor pertanian, perhutanan dan akuakultur bertumbuh 3.8 peratus, manakala sektor industri dan pembinaan serta sektor perkhidmatan mengalami peningkatan, masing-masing pada 3.7 peratus dan 6.8 peratus.

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia dianggarkan berkembang pada 3.4 peratus pada suku keempat 2023 berdasarkan anggaran KDNK awalan, iaitu peningkatan sedikit daripada 3.3 peratus pada suku sebelumnya. Berdasarkan prestasi suku tahun ke suku tahun, ekonomi menyederhana kepada 3.5 peratus berbanding 5.2 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama dalam prestasi ekonomi pada suku tahun keempat 2023, dengan kesemua sektor lain turut mengalami pertumbuhan positif (**Jadual 2**).

Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia pada tahun 2023 menunjukkan prestasi yang lebih perlahan pada 3.8 peratus berbanding 8.7 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sederhana ini dipengaruhi oleh kemerosotan dalam eksport barangan yang menyusut 8.0 peratus pada tahun 2023 disebabkan oleh permintaan global yang lemah dan harga komoditi yang rendah. Trend ini konsisten dengan prestasi sederhana sektor Pembuatan yang meningkat marginal sebanyak 0.8 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan kukuh 8.1 peratus pada tahun 2022.

Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2022 – 2023 dan ST1 2022 – ST4 2023

Jenis Aktiviti Ekonomi	2022	2023*	2022				2023			
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4*
KDNK	8.7	3.8	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6	2.9	3.3	3.4
Perkhidmatan	10.9	5.4	6.4	11.9	16.7	9.1	7.3	4.7	5.0	4.7
Perlombongan & pengkuarian	2.6	1.0	-2.2	-1.7	9.1	6.3	2.4	-2.3	-0.1	3.7
Pembinaan	5.0	5.8	-6.1	2.5	15.3	10.1	7.4	6.2	7.2	2.5
Pertanian	0.1	0.5	0.1	-2.3	1.2	1.1	1.0	-1.0	0.8	1.2
Pembuatan	8.1	0.8	6.7	9.2	13.1	3.9	3.2	0.1	-0.1	0.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: * - Anggaran awalan

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Sektor **Perkhidmatan** menokok 4.7 peratus pada suku tahun keempat 2023 (ST3 2023: 5.0%). Pertumbuhan sektor ini dipelopori oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan. Selain itu, subsektor Makanan & minuman dan Penginapan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan juga menunjukkan peningkatan.

Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** mengukuh 3.7 peratus pada suku tahun keempat 2023 selepas mencatatkan penyusutan marginal 0.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi lebih baik sektor ini dipacu oleh pengembangan pengeluaran dalam subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat pada suku tahun keempat 2023.

Sementara itu, sektor **Pembinaan** menyederhana kepada 2.5 peratus daripada pertumbuhan 7.2 peratus yang dicatatkan pada suku tahun ketiga 2023. Prestasi ini disumbangkan oleh subsektor Kejuruteraan awam dan Bangunan kediaman. Walau bagaimanapun, Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Bangunan bukan kediaman menunjukkan penurunan pada suku tahun ini.

Sektor **Pertanian** bertumbuh 1.2 peratus pada suku tahun ini berbanding 0.8 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Prestasi ini diterajui oleh subsektor Kelapa sawit, Pertanian lain dan Ternakan. Selain itu, pemulihan dalam subsektor Getah turut menyokong pengembangan dalam sektor ini. Namun begitu, subsektor Perikanan dan Perhutanan & pembalakan menunjukkan pertumbuhan negatif pada suku tahun ini.

Sektor **Pembuatan** mencatatkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus berbanding penurunan 0.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi terutamanya oleh peningkatan dalam Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan, diikuti oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Walau bagaimanapun, Produk elektrik, elektronik & optikal dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik mengalami penurunan pada suku tahun ini dan telah memperlahankan keseluruhan prestasi sektor ini.


Dari perspektif Perdagangan barangan, Malaysia mengalami trajektori menurun yang berterusan pada November 2023 dengan kejatuhan 2.4 peratus. Penurunan jumlah dagangan didorong oleh penyusutan eksport (-5.9%), sebaliknya import menunjukkan peningkatan buat kali pertama sejak Februari 2023 dengan kenaikan 1.7 peratus. Oleh itu, lebih dagangan merosot 43.1 peratus. Manakala jumlah perdagangan Malaysia merosot 4.3 peratus pada Disember 2023. Eksport dan lebih dagangan mencatatkan kejatuhan, masing-masing 10.0 peratus dan 57.8 peratus. Sebaliknya, import mengekalkan prestasi positif dengan 2.9 peratus. Melihat kepada prestasi dari Januari hingga Disember 2023, terdapat penurunan dalam eksport sebanyak 8.0 peratus kepada RM1.4 trilion dan import berkurangan kepada RM1.2 trilion (-6.4%). Jumlah dagangan keseluruhan menurun 7.3 peratus kepada RM2.6 trilion, dan lebih dagangan bernilai RM214.1 bilion mengalami penurunan sebanyak 16.4 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Indeks Pengeluaran Industri (IPI) mengalami peningkatan marginal 0.6 peratus pada November 2023 berbanding dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sederhana IPI ini dipacu oleh sektor Perlombongan dan Elektrik, yang masing-masing mengalami peningkatan sebanyak 1.9 peratus dan 4.2 peratus. Sementara itu, sektor Pembuatan mengalami penurunan sebanyak 0.1 peratus. Nilai jualan sektor pembuatan terus menurun sebanyak 2.6 peratus tahun ke tahun dengan jumlah RM155.0 bilion. Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan yang signifikan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah dan plastik iaitu sebanyak 10.8 peratus. Tambahan pula, subsektor Produk elektrik dan elektronik juga mengalami penurunan sebanyak 5.3 peratus.

Sementara itu, nilai jualan sektor Perdagangan borong & runcit pada November 2023 mencecah RM142.6 bilion, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 6.2 peratus. Perkembangan positif ini dipacu oleh peningkatan 12.7 peratus dalam nilai jualan subsektor Kenderaan bermotor berbanding dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Selain itu, sub-sektor Perdagangan borong dan Perdagangan runcit juga mengalami pertumbuhan dengan masing-masing meningkat 6.2 peratus dan 4.4 peratus. Dari segi indeks volum, sektor Perdagangan borong & runcit berkembang sebanyak 4.7 peratus, disokong oleh pertumbuhan 10.5 peratus dalam subsektor Kenderaan bermotor dan 5.8 peratus dalam subsektor Perdagangan borong.


Pada November 2023, Malaysia mengalami penurunan dalam Indeks Pelopor, menyusut 0.2 peratus kepada 109.8 mata berbanding 110.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh prestasi kurang memberangsangkan dalam Bilangan Unit Kediaman Yang Diluluskan Pembinaan (-25.8%). Walau bagaimanapun, Indeks Perusahaan Bursa Malaysia berkembang sebanyak 17.1 peratus dan kekal positif sejak Mei 2023. Prestasi bulanan Indeks Pelopor menunjukkan tanda-tanda pemulihan, bertumbuh 0.5 peratus berbanding negatif 0.1 peratus pada bulan sebelumnya, didorong oleh peningkatan ketara dalam Import Benar Semi Konduktor (1.0%). Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada November 2023, IP kekal berada di bawah trend 100.0 mata. Sehubungan itu, ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan yang sederhana disokong oleh prestasi berdaya tahan industri berorientasikan domestik meskipun terus berdepan dengan ketidakpastian pasaran antarabangsa.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Memahami Trend Tenaga Buruh Wanita di Malaysia

Norfariza Hanim Kasim; Muhammad Hazim Mohd Abd Rahim

Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Malaysia telah melalui transformasi dalam pendekatan memperkasakan wanita ke arah pembangunan masyarakat yang lebih luas. Tinjauan kuantitatif terhadap perkembangan Malaysia ke arah kesaksamaan gender boleh dilihat daripada trend statistik, termasuk perwakilan wanita dalam penglibatan tenaga buruh. Kesaksamaan gender nampaknya mula mendapat momentum seperti yang dapat dilihat melalui indikator positif seperti peningkatan bilangan wanita yang mendapat pendidikan tinggi dan mendapat pekerjaan penting. Walau bagaimanapun, pemerksaan wanita sebenarnya melangkaui angka dan peratusan kerana ia juga merangkumi kecekalan wanita dalam memperjuangkan hak sama rata untuk lelaki dan wanita. Mengkaji perkara ini secara terperinci adalah perlu untuk memahami pemerksaan tenaga buruh wanita di Malaysia.

Penduduk di Malaysia

Berdasarkan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk Malaysia termasuk Bukan Warganegara pada tahun 2023 dianggarkan sebanyak 33.4 juta di mana 17.5 juta terdiri daripada lelaki dan 15.9 juta adalah perempuan. Sehingga 2023, komposisi demografi di Malaysia memaparkan peranan penting wanita merentasi julat umur yang berbeza. Penduduk perempuan berumur 15-64 tahun (umur bekerja) terdiri daripada 11.0 juta, 69.0 peratus daripada keseluruhan penduduk perempuan. Penduduk lelaki dalam kumpulan umur yang sama pula terdiri daripada 12.4 juta (70.9%) daripada keseluruhan penduduk lelaki.


Dalam kumpulan umur 0-14 tahun, penduduk perempuan umur muda membentuk 23.0 peratus daripada keseluruhan penduduk perempuan, dengan 3.7 juta individu merupakan generasi muda. Bagi kategori 65 tahun dan ke atas, perempuan menyumbang 8.0 peratus kepada keseluruhan penduduk perempuan, dengan jumlah 1.3 juta orang.

Transformasi tenaga buruh wanita

1. Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat dari 1982

Sejak empat dekad yang lalu kadar penyertaan tenaga buruh di Malaysia menunjukkan perubahan dalam nisbah wanita yang bekerja di negara ini. Kadar penyertaan tenaga buruh perempuan hanya 44.5 peratus pada 1982, tetapi pada 2022, peratusan ini telah meningkat kepada 55.8 peratus. Evolusi ini adalah gambaran bagi peralihan persepsi awam serta hasil pelbagai program negara yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam ekonomi.

Carta 1a: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Mengikut Jantina, Malaysia, 1982 - 2022




2. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita paling tinggi pada usia 25-29 tahun

Bagi kedua-dua lelaki dan perempuan, kadar penyertaan tenaga buruh cenderung lebih tinggi bagi kumpulan umur yang lebih muda dan secara beransur-ansur menurun apabila semakin berusia. Corak ini adalah perkara normal di kebanyakan negara, disebabkan individu yang lebih muda biasanya berkemungkinan berada dalam tenaga buruh atau sedang mencari pekerjaan secara aktif, manakala individu yang lebih tua mungkin beralih kepada persaraan atau aktiviti lain. Di kalangan lelaki, kadar penyertaan tertinggi adalah dalam kumpulan umur 40-44 tahun iaitu 98.4 peratus. Kadar penyertaan kekal tinggi bagi lelaki sehingga kumpulan umur 55-59, di mana ia mula menurun secara drastik. Dalam kalangan perempuan pula, kadar penyertaan tertinggi adalah dalam kumpulan umur 25-29 tahun iaitu 77.5 peratus. Tidak seperti lelaki, kadar penyertaan wanita berkurangan apabila umur meningkat, dan menurun dengan lebih mendadak untuk kumpulan umur 55-59 dan 60-64 tahun.

Carta 1b menunjukkan perbezaan dalam kadar penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur dan jantina di Malaysia pada tahun 2022. Walaupun kumpulan umur yang lebih muda secara amnya mempunyai kadar penyertaan yang lebih tinggi, terdapat perbezaan yang ketara antara lelaki dan wanita merentasi semua kumpulan umur, dengan golongan lelaki mempunyai kadar lebih tinggi dalam penyertaan tenaga buruh. Jurang gender dalam pasaran buruh kekal sebagai aspek penting yang perlu ditangani oleh penggubal dasar untuk menggalakkan kesaksamaan gender dalam tenaga buruh.

Carta 1b: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina, Malaysia, 2022




3. Kadar penyertaan tenaga buruh merentasi landskap bandar dan luar bandar

Di kawasan bandar dan luar bandar, kadar penyertaan tenaga buruh lelaki secara konsisten lebih tinggi daripada kadar penyertaan tenaga buruh perempuan merentasi semua kumpulan umur. Ini menunjukkan perbezaan jantina dalam penyertaan tenaga buruh, dengan lelaki mempunyai kadar yang lebih tinggi. Jurang gender terbesar dapat dilihat di kawasan luar bandar, terutamanya bagi kumpulan umur yang lebih tua, di mana kadar penyertaan tenaga buruh lelaki jauh lebih tinggi daripada kadar penyertaan tenaga buruh perempuan. Perempuan secara amnya mempunyai kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih rendah, dan kadarnya menurun mengikut umur untuk kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

Data ini menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara dalam kadar penyertaan tenaga buruh berdasarkan umur, jantina dan persekitaran bandar/luar bandar di Malaysia pada tahun 2022. Kawasan bandar umumnya mempunyai kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi daripada kawasan luar bandar, dan lelaki cenderung mempunyai kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi daripada wanita secara keseluruhannya.

Carta 1c: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) mengikut Strata, Kumpulan Umur dan Jantina, Malaysia, 2022



4. Penyertaan tenaga buruh perempuan mengikut pekerjaan

Berdasarkan kategori pekerjaan, dari 2015 hingga 2022, komposisi pekerja wanita dalam kategori pekerja perkhidmatan dan jualan dan meningkat dari tahun ke tahun (2015: 29.5%; 2022: 33.3%), diikuti oleh pekerja sokongan perkeranian (2015: 16.6%; 2022: 17.5%) dan kategori profesional (2015: 15.3% hingga 2022: 17.2%). Trend peningkatan pekerjaan golongan perempuan dalam kategori perkhidmatan dan jualan boleh diperhatikan di pelbagai negara dengan sumbangan pekerja perempuan dalam kategori ini selalunya melebihi 50.0 peratus dalam beberapa industri, seperti industri hiburan dan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan. Sumbangan pekerja perempuan dalam kategori perkhidmatan dan jualan secara konsisten lebih tinggi daripada lelaki.


5. Sebab tidak mencari kerja

Penduduk di luar tenaga buruh terdiri daripada individu yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur. Sebab utama mengapa perempuan berada di luar tenaga buruh adalah kerja rumah dan tanggungjawab keluarga yang menyumbang 62.9 peratus. Sebaliknya, sebab utama bagi lelaki adalah masih belajar dengan 63.5 peratus daripada keseluruhan penduduk lelaki yang di luar tenaga buruh kerana memberi komitmen kepada pelajaran. Statistik ini menunjukkan pelbagai faktor yang mempengaruhi penyertaan tenaga buruh mengikut gender dengan tanggungjawab domestik dan pendidikan masing-masing menjadi sebab utama bagi perempuan dan lelaki.

6. Tenaga buruh wanita dan kesaksamaan gender di Malaysia

Kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan perempuan adalah 55.8 peratus, jauh berbanding lelaki dengan 81.9 peratus. Jurang gender dalam penyertaan tenaga buruh ini merupakan isu yang signifikan kerana ia menyumbang kepada keseluruhan Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI). MGGI mengenal pasti jurang antara wanita dan lelaki merentasi empat sub-indeks yang merangkumi peluang dan penyertaan ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kehidupan serta penguasaan politik. Dalam konteks MGGI, kadar penyertaan tenaga buruh adalah salah satu daripada lima indikator dalam sub-indeks penyertaan dan peluang ekonomi dengan wajaran 0.199 yang merupakan wajaran ketiga tertinggi dalam sub-indeks tersebut. Nisbah kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada lelaki ialah 0.681. Status tenaga buruh wanita di Malaysia perlu dipertingkatkan kerana kadar penyertaan tenaga buruh untuk wanita di Malaysia masih rendah berbanding negara Asia Tenggara yang lain seperti Cambodia (78.4%), Viet Nam (75.2%), dan Singapore (73.2%).

Carta 1d: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Perempuan 15-64 Tahun di Negara Asia Tenggara



Inisiatif daripada Kerajaan

Melalui beberapa inisiatif strategik, kerajaan Malaysia secara aktif menyasarkan untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh perempuan semasa iaitu 55.8 peratus kepada sasaran 60.0 peratus menjelang 2033. Untuk mencapai matlamat ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri mencadangkan tiga strategi utama semasa program Sesi Diskusi Khas Kasih Wanita: Ekonomi Madani Memperkasa Wanita pada 29 Ogos 2023. Pertama sekali, matlamatnya adalah untuk menambah baik undang-undang dan dasar khususnya Dasar Wanita Negara dan pelaksanaan sepenuhnya Akta Antigangguan Seksual 2022. Kedua, kerajaan berhasrat mewujudkan ekosistem yang mesra dengan menyediakan kemudahan penjagaan anak bersubsidi dan program bantuan kewangan untuk usahawan wanita seperti MyKasih Kapital dan Program Keluar Dua tahun (2YEP). Ketiga, usaha akan ditumpukan untuk menjadikan latihan dan pembangunan kapasiti boleh diakses terutamanya melalui kemahiran semula dan peningkatan kemahiran.

Rumusan

Sebagai rumusan, artikel ini memaparkan perbezaan kadar penyertaan tenaga buruh antara lelaki dan perempuan dengan kadar yang lebih tinggi untuk lelaki dalam semua kategori umur. Artikel ini juga menunjukkan majoriti wanita lebih mengutamakan keluarga berbanding mencari pekerjaan. Menangani jurang gender dalam tenaga buruh ini adalah penting bagi mencapai matlamat untuk menjadi negara maju dan mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan saksama. Semua pihak perlu menyokong inisiatif yang berterusan, perubahan perundangan dan komitmen secara bersama untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih sama rata dan diperkasakan untuk wanita di Malaysia.

Rujukan:

Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Survei Tenaga Buruh, Malaysia 2022.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2015). Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia 2015.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2023.

Malaysia Labour Market Interactive Data, 2023, https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/explorer_ifs_annual.html

Teks Ucapan YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Program Sesi Diskusi Khas Kasih Wanita: Ekonomi Madani Memperkasa Wanita, <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan%20YB%20Menteri/2023/Teks%20Ucapan%20YB%20Menteri%20-%20Sesi%20Diskusi%20Khas%20KASIH%20Wanita%20Ekonomi%20Madani%20Memperkasa%20Wanita.pdf>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 1/ 2024

PENGELUARAN



PENGELUARAN BUAH TANDAN SEGAR (KELAPA SAWIT)

Dis 2023: 7,949,566 tan metrik ▼ -4.2%
Nov 2023: 9,015,252 tan metrik ▲ 4.6%
Okt 2023: 9,682,271 tan metrik ▲ 4.3%



PENGELUARAN GETAH ASLI

Nov 2023: 30,699 tan metrik ▲ 9.3%
Okt 2023: 32,944 tan metrik ▲ 3.6%
Sept 2023: 32,757 tan metrik ▼ -7.6%



INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP)

Nov 2023: ▲ 0.6%
Okt 2023: ▲ 2.4%
Sept 2023: ▼ -0.5%



NILAI JUALAN SEKTOR PEMBUATAN

Nov 2023: RM155.0 b ▼ -2.6%
Okt 2023: RM156.7 b ▼ -1.4%
Sept 2023: RM157.8 b ▼ -2.4%



NILAI JUALAN SEKTOR PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

Nov 2023: RM142.6 b ▲ 6.2%
Okt 2023: RM142.3 b ▲ 6.5%
Sept 2023: RM142.7 b ▲ 6.5%



SEKTOR LUARAN

EKSPORT

Dis 2023: RM118.5 b ▼ -10.0%
*Nov 2023: RM122.1 b ▼ -5.9%
Okt 2023: RM126.1 b ▼ -4.5%

IMPORT

Dis 2023: RM106.7 b ▲ 2.9%
*Nov 2023: RM109.7 b ▲ 1.7%
Okt 2023: RM113.2 b ▼ -0.3%

*Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan



PASARAN BURUH

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA

Nov 2023: 16.43 juta orang ▲ 2.0%
Okt 2023: 16.40 juta orang ▲ 2.0%
Sept 2023: 16.38 juta orang ▲ 2.0%

KADAR PENGANGGURAN

Nov 2023: 3.3%
Okt 2023: 3.4%
Sept 2023: 3.4%



HARGA

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP)

Dis 2023: ▲ 1.5%
Nov 2023: ▲ 1.5%
Okt 2023: ▲ 1.8%

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR)

Dis 2023: ▼ -1.3%
Nov 2023: ▼ -1.5%
Okt 2023: ▼ -0.3%

Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun


Sumber: Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, Siri 1/ 2024,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Disember 2023 menyusut sebanyak 11.8 peratus kepada 7,949,566 tan metrik berbanding November 2023 (9,015,252 tan metrik) (**Carta 3**). Perbandingan tahun ke tahun turut menunjukkan penurunan 4.2 peratus berbanding Disember 2022 (8,299,965 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandam Segar, Januari 2022 - Disember 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada Disember 2023 menyusut 12.3 peratus kepada 1.35 tan metrik/ha berbanding November 2023 (1.54 tan metrik/ha) (**Jadual 3**). Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet yang beroperasi di Semenanjung Malaysia dan Sabah / Sarawak masing-masing menurun 13.4 peratus kepada 1.42 tan metrik/ha (November 2023: 1.64 tan metrik/ha) dan 11.6 peratus kepada 1.30 tan metrik/ha (November 2023: 1.47 tan metrik/ha).


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandam Segar mengikut Kawasan, Januari 2022 - Disember 2023 (Tan Metrik/Ha)

Wilayah	2022												2023											
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Malaysia	1.10	0.99	1.18	1.17	1.20	1.26	1.28	1.45	1.51	1.54	1.45	1.38	1.19	1.07	1.09	1.00	1.23	1.21	1.37	1.49	1.58	1.65	1.54	1.35
Semenanjung Malaysia	1.07	1.07	1.32	1.28	1.30	1.38	1.40	1.52	1.57	1.61	1.49	1.41	1.19	1.12	1.07	0.96	1.21	1.18	1.39	1.56	1.64	1.72	1.64	1.42
Sabah/ Sarawak	1.12	0.93	1.06	1.08	1.11	1.17	1.18	1.39	1.46	1.48	1.41	1.36	1.19	1.04	1.11	1.03	1.24	1.24	1.35	1.44	1.53	1.58	1.47	1.30

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing menurun 13.3 peratus (Disember 2023: 1,550,797 tan metrik, November 2023: 1,788,870 tan metrik) dan 14 peratus (Disember 2023: 371,202 tan metrik, November 2023: 431,641 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung sawit masing-masing turut menyusut 7.8 peratus (Disember 2023: 191,236 tan metrik, November 2023: 207,446 tan metrik) dan 7.7 peratus (Disember 2023: 210,383 tan metrik, November 2023: 227,953 tan metrik).


Carta 4: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2022 - Disember 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit menurun 5.1 peratus kepada 1,334,441 tan metrik berbanding November 2023 (1,406,462 tan metrik). Eksport minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit masing-masing turut menurun sebanyak 11.5 peratus (Disember 2023: 88,261 tan metrik, November 2023: 99,768 tan metrik) dan 33.8 peratus (Disember 2023: 178,436 tan metrik, November 2023: 269,424 tan metrik).


Carta 5: Eksport Minyak Sawit, Januari 2022 - Disember 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit dan minyak isirung sawit turut menurun 7.9 peratus (Disember 2023: 36,573 tan metrik, November 2023: 39,696 tan metrik) dan 27.3 peratus (Disember 2023: 9,683 tan metrik, November 2023: 13,310 tan metrik).

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2022 - Disember 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Industri kelapa sawit Malaysia menyaksikan prestasi yang pelbagai pada 2023. Meskipun pengeluaran minyak sawit mentah (MSM), hasil buah tandan segar, kadar perahan minyak dan stok kelapa sawit menunjukkan peningkatan, situasi bekalan telah mengakibatkan harga MSM jatuh ke bawah paras RM4,000 setiap tan metrik setelah mencatatkan rekod baharu pada 2022.

(Industri kelapa sawit 2024 dijangka lebih baik, Kosmo Online, 11 Januari 2024)

Getah

Pengeluaran getah asli menunjukkan penurunan 6.9 peratus pada November 2023 kepada 30,669 tan metrik berbanding 32,944 tan metrik pada Oktober 2023 (**Carta 7**). Bagaimanapun, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 9.3 peratus berbanding November 2022 (28,048 tan metrik).

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2022 – November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada November 2023 dengan sumbangan 85.3 peratus (26,151 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet, 14.7 peratus (4,519 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan pengeluaran di sektor kebun kecil dan sektor estet menurun masing-masing sebanyak 5.5 peratus dan 14.5 peratus. Sebaliknya, pertumbuhan pengeluaran tahunan sektor kebun kecil meningkat 6.9 peratus dan pengeluaran di sektor estet juga meningkat sebanyak 25.7 peratus berbanding November 2022.

Berdasarkan analisis perbandingan harga purata bulanan, Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 3.3 peratus (November 2023: 549.67 sen sekilogram; Oktober 2023: 532.20 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 2.4 peratus (November 2023: 562.24 sen sekilogram; Oktober 2023: 548.84 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 1.0 peratus hingga 3.2 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 2.2 peratus (daripada USD 1.45/kg kepada USD1.48/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 4.2 peratus (daripada USD1.61/kg kepada USD1.67/kg).


Carta 8: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, November 2022 dan Oktober - November 2023



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli meningkat 13.2 peratus pada November 2023 kepada 172,335 tan metrik berbanding 152,196 tan metrik pada Oktober 2023. Perbandingan tahun ke tahun stok getah asli menunjukkan penurunan 10.9 peratus berbanding 193,396 tan metrik yang dicatatkan pada November 2022.


Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2022 – November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli berkurang sebanyak 6.3 peratus kepada 25,096 tan metrik berbanding 26,789 tan metrik pada Oktober 2023. Begitu juga, penggunaan pada asas tahunan menurun 11.7 peratus (November 2022: 28,410 tan metrik).

Carta 10: Penggunaan Domestik, Januari 2022 – November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 51,437 tan metrik pada November 2023 menurun 8.9 peratus berbanding Oktober 2023 (56,460 tan metrik), bagaimanapun meningkat sebanyak 1.0 peratus dari 50,927 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya. China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 48.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada November 2023 diikuti Germany (8.9%), Iran (5.7%), United States (4.0%) dan Pakistan (2.8%).

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan kuantiti sebanyak 42,138 tan metrik pada November 2023, menurun sebanyak 0.8 peratus berbanding Oktober 2023 (42,473 tan metrik). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah United States (15,154 tan metrik), Japan (2,681 tan metrik) dan China (2,613 tan metrik) seperti pada **Jadual 4**.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Oktober dan November 2023

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Oktober 2023	November 2023	Oktober 2023	November 2023
United States of America	14,236	15,154	360.2	388.5
Japan	2,832	2,681	86.7	82.5
China	2,762	2,613	48.6	50.9
India	2,549	1,865	34.1	24.9
Germany	2,258	1,662	57.6	42.5
Brazil	2,051	1,323	32.8	21.0
Australia	1,251	1,126	33.6	28.9
United Kingdom	1,040	1,096	28.9	29.2
Turkiye	919	913	14.8	15.6
South Korea	826	879	23.8	24.1


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* pada November 2023, pasaran getah Kuala Lumpur menunjukkan trend bercampur-campur. Secara keseluruhannya, sentimen positif disumbangkan oleh langkah rangsangan yang diumumkan oleh China dan sasaran ekonomi positif bagi tahun 2024 meskipun kekurangan bekalan getah asli oleh pengeluar utama terutamanya oleh Thailand.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

IPP meningkat 0.6 peratus tahun ke tahun pada November 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 2.4 peratus pada bulan sebelumnya (**Carta 11**). Peningkatan ini disokong oleh pengembangan sederhana dalam sektor Perlombongan sebanyak 1.9 peratus (Oktober 2023: 7.4%) dan sektor Elektrik sebanyak 4.2 peratus (Oktober 2023: 5.6%). Sementara itu, sektor Pembuatan menunjukkan trend menurun kepada negatif 0.1 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan positif bagi dua bulan berturut-turut (Oktober 2023: 0.9%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP kembali kepada jajaran negatif (-0.9%) berbanding positif 1.9 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Januari 2022 – November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan pada pengeluaran Pembuatan adalah disebabkan oleh pengeluaran output yang lebih rendah dalam industri berorientasikan eksport yang merosot 2.7 peratus (Oktober 2023: -1.6%). Penyusutan ini dipengaruhi terutamanya oleh kejatuhan dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-8.6%); Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-1.8%); dan Pembuatan kayu & produk kayu & gabus (-1.9%). Trend ini adalah selari dengan prestasi eksport negara yang mengalami trend menurun sejak Mac 2023 dan merekodkan negatif 5.9 peratus pada November. Bagi perbandingan dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan eksport menyusut 2.2 peratus.

Sebaliknya, industri berorientasikan domestik kekal kukuh dengan mencatatkan peningkatan 5.8 peratus pada November 2023 (Oktober 2023: 6.7%). Kenaikan ini didorong oleh pertumbuhan dua digit dalam Pembuatan produk prosesan makanan (10.9%); Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (8.9%); dan Pembuatan produk galian bukan logam lain (6.9%). Bagi perbandingan dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik pulih kepada 3.7 peratus berbanding negatif 1.4 peratus yang direkodkan pada Oktober 2023.

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif pada November 2023 terutamanya di Singapore (1.0%), China (6.6%), Vietnam (5.0%) dan South Korea (5.3%). Sebaliknya, Thailand, Taiwan dan United States terus merekodkan trend kejatuhan dengan masing-masing sebanyak negatif 4.7 peratus, negatif 2.5 peratus dan negatif 0.4 peratus. Sementara itu, Japan kembali kepada trajektori kemerosotan dengan negatif 1.4 peratus pada November 2023 berbanding positif 1.1 peratus yang dicatatkan pada bulan lalu.

Pertumbuhan pengeluaran sektor Perlombongan menurun kepada 1.9 peratus pada November 2023 (Oktober 2023: 7.4%) kesan daripada peningkatan sederhana dalam Gas Asli dan Minyak Mentah & Kondensat masing-masing sebanyak 1.7 peratus (Oktober 2023: 7.6%) dan 2.1 peratus (Oktober 2023: 7.2%). Berbanding Oktober 2023, indeks Perlombongan merosot 1.8 peratus berbanding pertumbuhan dua digit 15.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Pertumbuhan pengeluaran Elektrik menyederhana kepada 4.2 peratus pada November 2023 selepas mencatatkan peningkatan 5.6 peratus pada bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik menurun 4.6 peratus berbanding positif 5.3 peratus yang direkodkan pada Oktober 2023.

INDUSTRI DAN PEMBUATAN


Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan terus menyusut sebanyak 2.6 peratus pada November 2023 daripada penurunan 1.4 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya (**Carta 12**). Penurunan tersebut disebabkan terutamanya oleh kejatuhan ketara dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik sebanyak 10.8 peratus (Oktober 2023: -9.5%); dan subsektor Peralatan elektrik & elektronik yang susut 5.3 peratus (Oktober 2023: -2.7%). Berbanding bulan sebelumnya, nilai jualan menurun sebanyak 1.1 peratus berbanding RM156.7 bilion yang direkodkan pada Oktober 2023 (-0.7%).

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi lebih dua pertiga daripada jumlah jualan, mencatatkan penurunan yang lebih besar iaitu 6.9 peratus pada November 2023 berbanding negatif 5.2 peratus yang direkodkan pada Oktober 2023. Namun begitu, industri berorientasikan domestik terus mengekalkan momentum positif dengan merekodkan 8.8 peratus pada November 2023 (Oktober 2023: 9.7%). Pada asas perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menyusut 3.6 peratus manakala industri berorientasikan domestik berkembang sebanyak 5.3 peratus.

Eksport Malaysia mencatatkan penurunan 5.9 peratus pada November 2023 berbanding bulan yang sama pada 2022, sejajar dengan penurunan eksport domestik, mencapai nilai sebanyak RM122.1 bilion. Eksport barangan perkilangan mendominasi jumlah eksport dengan sumbangan 83.8 peratus, susut 6.7 peratus atau RM7.3 bilion kepada RM102.4 bilion, tahun ke tahun. Penurunan ini didorong oleh barangan elektrik & elektronik (-13.8%), produk kimia & bahan kimia (-15.7%), peralatan pengangkutan (-42.9%) dan peralatan optik & saintifik (-12.8%).

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2022 – November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.38 juta orang pada November 2023, menunjukkan meningkat 2.1 peratus berbanding 2.33 juta orang pada November 2022. Kenaikan tersebut didorong terutamanya oleh peningkatan bilangan pekerja dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (6.9%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.3%); dan Produk elektrik & elektronik (0.7%). Perbandingan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor Pembuatan menurun sedikit 0.04 peratus.

Selari dengan pertambahan bilangan pekerja, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan meningkat sebanyak 3.3 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM8.1 bilion pada November 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah yang dibayar mencatatkan pertumbuhan marginal 0.04 peratus berbanding 0.1 peratus yang dicatatkan pada Oktober 2023. Tambahan lagi, nilai jualan bagi setiap pekerja menurun 4.7 peratus untuk merekodkan RM65,193 manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja pada November 2023 adalah RM3,428, peningkatan sebanyak 1.1 peratus tahun ke tahun.

Sektor pembuatan dijangka kembali meningkat pada tahun 2024, didorong oleh pemulihan permintaan luaran dan pertumbuhan permintaan domestik yang terus berdaya tahan. Berdasarkan kepada Tinjauan Ekonomi 2024 yang telah diterbitkan oleh Kementerian Kewangan, sektor pembuatan dijangka bertumbuh 1.4 peratus dipacu oleh pertumbuhan yang lebih baik dalam industri berorientasikan eksport terutamanya bagi sub sektor Elektrik & elektronik.




Perdagangan Borong & Runcit

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencatatkan nilai jualan bulanan sebanyak RM142.6 bilion, tumbuh 6.2 peratus tahun ke tahun pada November 2023.

Prestasi Nilai Jualan

Peningkatan 6.2 peratus bagi Perdagangan Borong & Runcit pada November 2023 disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong yang meningkat 6.2 peratus atau RM3.7 bilion untuk mencatatkan RM63.2 bilion. Ini diikuti oleh Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor masing-masing dengan 4.4 peratus (+RM2.6 bilion) dan 12.7 peratus (+RM2.0 bilion) (**Paparan 1**).

Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, November 2023

SUBSEKTOR	Nilai Jualan			Indeks Volum (2015=100)				
	RM Bilion	% Perubahan		Asal	% Perubahan		Pelarasan Musim (SA)	% Perubahan
		Nov 2023	YoY		MoM	Nov 2023		
PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT	142.6	6.2	0.2	152.7	4.7	0.3	149.2	0.7
 PERDAGANGAN BORONG	63.2	6.2	-0.2	139.0	5.8	0.5	136.0	2.6
 PERDAGANGAN RUNCIT	61.3	4.4	1.2	174.5	2.9	0.7	169.8	-1.0
 KENDERAAN BERMOTOR	18.1	12.7	-1.6	134.2	10.5	-1.7	126.1	-1.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit menokok 0.2 peratus, disokong oleh Perdagangan Runcit (1.2%).

Prestasi Perdagangan Borong

Perdagangan Borong yang meningkat 6.2 peratus disumbangkan oleh peningkatan dalam Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong dengan 9.3 peratus atau RM2.1 bilion kepada RM24.2 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Barangan Isi Rumah (5.2%), Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (9.5%), Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (2.3%), Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan (2.6%), Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (3.3%) dan Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (4.1%) (**Carta 13**).

Sebaliknya, bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong menyusut -0.2 peratus, dipengaruhi oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong (-1.1%), Jualan Borong Barangan Isi Rumah (-1.5%) dan Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (-1.1%).

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Pertumbuhan 4.4 peratus bagi subsektor Perdagangan Runcit pada November 2023 disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang berkembang sebanyak 6.5 peratus atau RM1.4 bilion kepada RM23.4 bilion. Kumpulan lain dalam subsektor ini juga merekodkan pertumbuhan positif, iaitu Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan (3.7%), Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (10.3%), Jualan Runcit Peralatan Isi Rumah (3.7%), Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan (2.9%), Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi (1.6%), Jualan Runcit di Gerai & Pasar (5.8%) dan Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (0.7%) seperti di **Carta 14**.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 1.2 peratus, terutamanya disumbangkan oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (2.0%), diikuti oleh Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan (1.9%), Jualan Runcit Peralatan Isi Rumah (1.0%) dan Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (1.4%).

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Kenderaan Bermotor

Pertumbuhan dua digit 12.7 peratus dalam subsektor Kenderaan Bermotor disokong oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang meningkat 13.5 peratus atau RM1.2 bilion kepada RM10.0 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor (14.5%) dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor (16.3%) seperti yang ditunjukkan di **Carta 15**.

Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini merosot negatif 1.6 peratus, disebabkan oleh penurunan dalam Jualan Kenderaan Bermotor (-2.8%) dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal (-3.2%).

Carta 15: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit pada November 2023 mencatatkan pertumbuhan 4.7 peratus tahun ke tahun. Pengembangan ini disumbangkan oleh semua subsektor iaitu Kenderaan Bermotor (10.5%), Perdagangan Borong (5.8%) dan Perdagangan Runcit (2.9%). Bagi indeks volum pelarasan musim secara bulanan, ia kembali positif dengan 0.7 peratus (**Carta 16**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2022 - November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

**Jadual 5: Prestasi Indeks Perdagangan Runcit Bagi Negara-Negara Terpilih, November 2023
(Tahun ke Tahun)**

Taiwan	Hong Kong	United Kingdom	South Korea	Indonesia
4.0	12.3	0.3	-0.3	2.9

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Melihat kepada prestasi indeks jualan runcit di negara-negara terpilih, pada November 2023, Hong Kong, Taiwan, Indonesia, dan United Kingdom mencatatkan pertumbuhan positif masing-masing sebanyak 12.3 peratus, 4.0 peratus, 2.9 peratus dan 0.3 peratus (**Jadual 5**). Indeks jualan runcit Hong Kong berkembang bagi bulan kesebelas berturut-turut, disumbangkan oleh pemulihan industri pelancongan. Taiwan turut berkembang pada bulan November dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.0 peratus, disokong oleh jualan yang kukuh semasa acara membeli-belah “*Double 11*” dan kempen promosi. Indeks jualan runcit Indonesia meningkat sebanyak 2.9 peratus berbanding dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya dan juga melebihi pertumbuhan 2.4 peratus pada Oktober. Selain itu, angka November ini merupakan pertumbuhan terbaik setakat ini bagi Indonesia sejak Jun 2023. Sementara itu, United Kingdom mencatatkan pertumbuhan positif pertama sebanyak 0.3 peratus, sebahagiannya disebabkan oleh asas rendah yang dicatatkan pada November tahun lepas. Indeks runcit untuk UK terus perlahan walaupun terdapat tawaran *Black Friday*, disebabkan oleh tekanan kos sara hidup. Sebaliknya, South Korea mencatatkan penurunan sebanyak negatif 0.3 peratus pada bulan ini.

Prospek Disember 2023

Melihat ke hadapan iaitu pada Disember 2023, sektor Perdagangan Borong & Runcit dijangka akan mengekalkan tren pertumbuhan tahunan yang positif. Berbanding dengan November, jualan dijangka akan meningkat, disokong oleh perayaan Krismas, cuti sekolah, serta Jualan Akhir Tahun. Selain itu, pemberian e-dompot (e-MADANI) sebanyak RM1 bilion juga mungkin menyumbang kepada peningkatan jualan pada bulan Disember, terutamanya bagi subsektor Perdagangan Runcit.


Perdagangan Barangan

Global Trade Update yang diterbitkan oleh UNCTAD pada 11 Disember 2023 meramalkan penyusutan dengan anggaran US\$ 2 trilion atau 7.5 peratus bagi perdagangan barangan global pada 2023, mengambil kira perubahan corak perdagangan dan ketegangan geopolitik. Perdagangan Malaysia pada November 2023 terus menunjukkan penurunan didorong oleh penurunan eksport, manakala import pulih kepada pertumbuhan positif. Oleh itu, jumlah dagangan menyusut 2.4 peratus daripada RM237.6 bilion pada November 2022 kepada RM231.8 bilion. Eksport berkurang 5.9 peratus kepada RM122.1 bilion, manakala import meningkat 1.7 peratus kepada RM109.7 bilion, peningkatan tahunan buat kali pertama sejak Februari 2023. Imbangan dagangan kekal dalam lebihan dengan RM12.4 bilion, penurunan sebanyak 43.1 peratus daripada tahun sebelumnya, lebihan dagangan bagi bulan ke-43 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Oktober 2023, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing berkurang 3.1 peratus, 3.2 peratus dan 3.1 peratus dan 3.8 peratus.

Meninjau dari sudut rakan dagangan, prestasi import menunjukkan trend meningkat setelah lapan bulan secara berturut-turut merekodkan penurunan. Pertumbuhan ini diterajui terutamanya dari Singapore (+RM2.4 bilion), diikuti oleh Saudi Arabia (+RM1.4 bilion), United States of America (USA) (+RM1.1 bilion) dan Thailand (+RM0.5 bilion). Sementara itu eksport pula terus menyusut, didorong oleh eksport ke Singapore, dengan penyusutan RM3.7 bilion, diikuti oleh Japan (-RM1.6 bilion), China (-RM1.6 bilion) dan Hong Kong (-RM1.2 bilion). Perdagangan Malaysia pada November 2023 kekal dipacu oleh China, Singapore, USA dan European Union (EU), dengan jumlah sumbangan 48.7 peratus (November 2022: 49.2%).

Eksport Malaysia mengekalkan penyusutan 5.9 peratus tahun ke tahun pada November 2023 kepada RM122.1 bilion daripada RM129.7 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi kurang memberangsangkan ini didorong terutamanya oleh Barangan elektrik & elektronik (E&E), dengan penurunan ketara RM7.3 bilion (-13.8%), diikuti Gas asli cecair dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit, masing-masing RM975.9 juta (-14.8%) dan RM691.8 juta, (-7.1%) (**Carta 17**). Sementara itu, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menunjukkan trend pemulihan, dengan masing-masing meningkat RM1.0 bilion (+9.0%) dan RM700.6 juta (+26.4%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit merupakan produk eksport utama Malaysia pada November 2023, dengan sumbangan agregat 54.8 peratus (November 2022: 56.9%).

Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SEKTOR LUARAN

Import menunjukkan peningkatan buat kali pertama sejak Februari 2023 dengan kenaikan 1.7 peratus. kepada RM109.7 bilion berbanding RM107.9 bilion pada November 2022. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh Petroleum mentah dengan kenaikan RM1.1 bilion (+25.6%), setelah tiga bulan berturut-turut mencatatkan prestasi lemah. Tambahan lagi, Pesawat udara, kelengkapan & alat ganti turut pulih dengan lonjakan 82.5 peratus kepada RM2.3 bilion seperti di **Carta 18**. Namun begitu, Barangan E&E kekal dalam trend menurun sejak Mac 2023, menyusut 6.7 peratus atau RM35.1 bilion kepada RM32.8 bilion. Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah bertapis dan Petroleum mentah kekal menjadi penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada November 2023, dengan sumbangan 44.6 peratus (November 2022: 45.7%).


Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berikutan daripada ketidaktentuan ekonomi global, rakan perdagangan utama Malaysia mengalami prestasi yang pelbagai pada November 2023 seperti di **Carta 19**.

Carta 19: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), November 2023



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan November 2023 menunjukkan penurunan dalam jumlah dagangan RM5.8 bilion atau 2.4 peratus kepada RM231.8 bilion, tahun ke tahun. Penurunan jumlah dagangan ini disumbangkan oleh beberapa negeri iaitu Pulau Pinang menurun RM9.3 bilion (-13.9%), diikuti oleh Selangor RM1.9 bilion (-3.7%), Sarawak RM1.6 bilion (-11.3%), W.P. Labuan RM985.0 juta (-67.7%), Terengganu RM759.7 juta (-30.2%), Melaka RM640.7 juta (-10.4%), Perlis RM36.1 juta (-13.6%) dan Kelantan RM24.4 juta (-4.5%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan meningkat RM3.2 bilion di Johor (+6.7%), W.P. Kuala Lumpur RM2.6 bilion (+18.1%), Negeri Sembilan RM1.2 bilion (+21.0%), Sabah RM986.6 juta (+25.9%), Kedah RM850.4 juta (+8.0%), Pahang RM801.6 juta (+19.3%) dan Perak RM525.0 juta (+9.3%) seperti di **Paparan 2**.

Jumlah eksport pada bulan November 2023 menurun RM7.6 bilion (-5.9%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM5.4 bilion), Selangor (-RM2.4 bilion), Sarawak (-RM1.6 bilion), Terengganu (-RM869.1 juta), Melaka (-RM755.1 juta), W.P. Labuan (-RM704.8 juta), Pahang (-RM308.0 juta), Negeri Sembilan (-RM164.2 juta), Perlis (-RM29.9 juta) dan W.P. Kuala Lumpur (-RM9.9 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat RM3.0 bilion di Johor, Kedah (+RM929.2 juta), Perak (+RM540.8 juta), Sabah (+RM472.3 juta) dan Kelantan (+RM18.6 juta).

Pada masa yang sama, import pada bulan November 2023 meningkat RM1.8 bilion (+1.7%) berbanding bulan yang sama pada 2022. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu W.P. Kuala Lumpur (+RM2.7 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.4 bilion), Pahang (+RM1.1 bilion), Sabah (+RM514.3 juta), Selangor (+RM492.7 juta), Johor (+RM197.1 juta), Melaka (+RM114.4 juta) dan Terengganu (+RM109.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh RM3.9 bilion di Pulau Pinang, W.P. Labuan (-RM280.2 juta), Kedah (-RM78.8 juta), Sarawak (-RM60.9 juta), Kelantan (-RM43.0 juta), Perak (-RM15.9 juta) dan Perlis (-RM6.2 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 82.5 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 29.0 peratus, diikuti oleh Johor (22.6%), Selangor (16.9%), Sarawak (8.3%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.7%). Sementara itu, Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.5 peratus, diikuti oleh Johor (20.6%), Pulau Pinang (20.4%), W.P. Kuala Lumpur (9.4%) dan Kedah (5.6%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, November 2022 dan November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya

SEKTOR LUARAN

Jumlah dagangan Malaysia kekal merosot pada Disember 2023, menurun 4.3 peratus daripada RM235.2 bilion pada bulan yang sama tahun lepas kepada RM225.1 bilion. Eksport menguncup 10.0 peratus kepada RM118.5 bilion, sebaliknya import meningkat 2.9 peratus kepada RM106.7 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan berkurang 57.8 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM11.8 bilion. Berbanding November 2023, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing merosot 2.6 peratus, 2.7 peratus, 2.6 peratus dan 3.6 peratus.

Meninjau dari sudut suku tahunan, prestasi tahun ke tahun jumlah perdagangan Malaysia pada suku tahun keempat (ST4) 2023 merosot 3.2 peratus. Eksport, dan lebihan dagangan menguncup 6.9 peratus dan 45.9 peratus masing-masing berbanding ST4 2022, manakala import bertambah 1.3 peratus. Berbanding suku tahun ketiga 2023, jumlah dagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 6.5 peratus, 2.8 peratus dan 10.8 peratus, manakala lebihan dagangan menyusut 37.3 peratus.

Pada keseluruhan tahun 2023, prestasi perdagangan Malaysia turut mengalami kemerosotan. Jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan menyusut berbanding tempoh yang sama pada 2022, masing-masing dengan 7.3 peratus, 8.0 peratus, 6.4 peratus dan 16.4 peratus. Mengambil kira ketegangan geopolitik yang panjang, kadar hutang yang tinggi dan ketidakstabilan ekonomi semasa, UNCTAD meramalkan prospek perdagangan global pada 2024 kekal suram dan sangat tidak menentu, meskipun beberapa petunjuk ekonomi menunjukkan bahawa perkembangan ke arah yang lebih baik.


Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

Senario Buruh

Trend menaik dalam bilangan penduduk bekerja berterusan sepanjang November 2023, menunjukkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus (+27.9 ribu orang) kepada 16.43 juta orang (Oktober 2023: 16.40 juta orang). Mengikut terma pelarasan bermusim, terdapat peningkatan marginal 0.1 peratus dalam bilangan penduduk bekerja. Selain itu, peningkatan 2.0 peratus (+322.5 ribu orang) dicatatkan dalam bilangan penduduk bekerja berbanding tahun sebelumnya (November 2022: 16.11 juta orang).

Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan meningkat 67.8 peratus pada November 2023 (Oktober 2023: 67.7 %) berbanding bulan sebelumnya. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, terdapat peningkatan 0.5 mata peratus daripada 67.3 peratus pada November 2022 (**Carta 20**).

Carta 20: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2020 - November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada November 2023, bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu menurun 1.7 ribu orang (-2.1%) kepada 78.5 ribu orang (Oktober 2023: 80.2 ribu orang) berbanding bulan sebelumnya. Perbandingan tahun ke tahun pula menunjukkan bilangan tersebut meningkat 2.1 peratus (+1.6 ribu orang) daripada 76.9 ribu orang yang direkodkan pada November tahun lepas. Kumpulan ini yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja, tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.

Kategori pekerja yang merupakan komposisi terbesar daripada jumlah penduduk bekerja dengan sumbangan 75.3 peratus, mencatatkan peningkatan 0.1 peratus (+16.2 ribu orang) kepada 12.37 juta orang (Oktober 2023: 12.35 juta orang). Begitu juga, kategori penduduk bekerja sendiri juga meningkat kepada 2.99 juta orang (Oktober 2023: 2.99 juta orang), dengan penambahan 0.3 peratus (+9.4 ribu orang). Kebanyakannya kumpulan ini terdiri daripada golongan berpendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil (**Carta 21**).

Carta 21: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Oktober 2023 dan November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SENARIO BURUH

Pada November 2023, bilangan penganggur kekal menyusut pada 0.3 peratus (-1.7 ribu orang) kepada 569.2 ribu orang (Oktober 2023: 570.9 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan November turun sebanyak 3.3 peratus, dan kembali ke paras pra-pandemik, berbanding 3.4 peratus yang direkodkan pada bulan lepas.

Perbandingan tahun ke tahun, bilangan penganggur terus menurun 5.3 peratus (-31.7 ribu orang) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (November 2022: 600.9 ribu orang). Justeru, kadar pengangguran menyusut 0.3 mata peratus berbanding November tahun lalu (**Carta 22**).

Carta 22: Penganggur dan Kadar Pengangguran, Januari 2020 - November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam kategori pengangguran, majoriti penganggur adalah mereka yang sedia untuk bekerja atau penganggur yang aktif mencari pekerjaan meliputi 79.9 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini merosot 0.6 peratus (-2.6 ribu orang) kepada 454.5 ribu orang (Oktober 2023: 457.2 ribu orang).

Dalam kumpulan penganggur aktif, sebanyak 61.8 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.3 peratus adalah mereka yang menganggur melebihi setahun. Sebaliknya, mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, meningkat sebanyak 0.8 peratus (+0.9 ribu orang) dengan merekodkan 114.7 ribu orang (Oktober 2023: 113.8 ribu orang) (**Carta 23**).


Carta 23: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Oktober 2023 dan November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada November 2023, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun turun 0.1 mata peratus kepada 10.6 peratus, mencatatkan 308.5 ribu belia (Oktober 2023: 10.7%, 313.3 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 merekodkan 6.5 peratus, dengan bilangan penganggur belia seramai 432.0 ribu orang (Oktober 2023: 6.6%; 439.6 ribu orang) (**Carta 24**).


Carta 24: Penganggur Belia dan Kadar Pengangguran Belia, Januari 2020 - November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan tenaga buruh menunjukkan trend menaik, dengan peningkatan bulanan 0.2 peratus (+26.3 ribu orang) kepada 17.0 juta orang pada November 2023 (Oktober 2023: 16.97 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada bulan tersebut kekal pada 70.1 peratus seperti Oktober 2023. Berbanding November tahun lepas, bilangan tenaga buruh mencatatkan peningkatan 291.0 ribu orang (+1.7%) kepada 16.71 juta orang. Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.3 mata peratus daripada 69.8 peratus pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 25**).

Carta 25: Tenaga Buruh dan KPTB, Januari 2020 - November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan luar tenaga buruh menyaksikan kejatuhan pada November 2023, penurunan bulan ke bulan sebanyak 2.2 ribu orang, (-0.03%) kepada 7.24 juta orang (Oktober 2023: 7.24 juta orang). Pada perspektif tahunan, kumpulan ini berkurang 0.3 ribu orang (-0.004%) (November 2022: 7.24 juta orang). Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga (42.6%), diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan (41.1%) (**Carta 26**).

SENARIO BURUH

Carta 26: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Oktober 2023 dan November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Harga Pengguna

Malaysia menyaksikan kenaikan inflasi secara beransur-ansur, mencatatkan peningkatan sederhana 1.5 peratus pada November 2023. Mata indeks berada pada 130.9, meningkat daripada 129.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, seperti yang digambarkan di **Carta 27**. Peningkatan inflasi disebabkan oleh sektor berikut: Restoran & Hotel, 4.3 peratus (Oktober 2023: 4.6%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 2.6 peratus (Oktober 2023: 3.6%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.7 peratus (Oktober 2023: 1.6%).

Selain itu, kenaikan inflasi boleh dikaitkan dengan peningkatan dalam kumpulan Kesihatan (2.3%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.3%); Pendidikan (2.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.4%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.6%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.6%) dan Pengangkutan (0.1%). Walau bagaimanapun, kumpulan Pakaian & Kasut kekal tidak berubah, manakala Komunikasi menurun kepada negatif 3.7 peratus berbanding Oktober 2023.

Carta 27: IHP Keseluruhan, Restoran & Hotel dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Januari 2022 – November 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi Pengangkutan bagi November 2023 meningkat 0.1 peratus berbanding pada Oktober 2023 (0.0%). Subkumpulan Pembelian kenderaan dan Pengurusan alat pengangkutan persendirian masing-masing meningkat sebanyak 0.1 peratus dan 0.2 peratus. Namun begitu, penurunan negatif 1.4 peratus dalam inflasi bagi perkhidmatan Pengangkutan mengimbangi sebahagian daripada peningkatan keseluruhan dalam kategori ini.

Penurunan bagi kelas perbelanjaan Bahan api & pelincir untuk pengangkutan persendirian kepada negatif 1.3 peratus secara langsung memberi kesan kepada penurunan harga bahan api. Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 merekodkan penurunan kepada negatif 12.2 peratus pada November 2023 (RM3.47 seliter) berbanding November 2022 (RM3.95 seliter), seiring dengan penurunan harga minyak mentah Brent (-8.7%) kepada \$AS83.18 setong pada November 2023 (**Carta 28**).

Carta 28: Purata Harga Bahan Api, Januari 2022 – November 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) merekodkan peningkatan yang lebih perlahan iaitu 2.6 peratus berbanding Oktober 2023 (3.6%). Seratus tujuh puluh satu daripada 230 item makanan atau 73.9 peratus menyaksikan kenaikan harga dari November 2022 hingga November 2023. Komponen Makanan di rumah mencatatkan peningkatan lebih rendah 1.4 peratus (Oktober 2023: 2.1%) manakala Komponen Makanan di luar rumah merekodkan trend yang sama dengan peningkatan 3.9 peratus pada November 2023 berbanding 5.6 peratus pada Oktober 2023 (**Jadual 6**).

Jadual 6: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), November 2023

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) November 2023
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	2.6
Makanan	28.4	2.5
Makanan Di Rumah	16.9	1.4
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	3.1
Daging	2.5	-0.2
Ikan & Makanan Laut	4.0	-0.5
Susu, Keju & Telur	1.5	2.9
Minyak & Lemak	0.6	-0.1
Buah-buahan	1.2	2.8
Sayur-sayuran	2.1	1.1
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	2.6
Keluaran Makanan t.t.t.l.	1.0	3.8
Makanan di Luar Rumah	11.5	3.9
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	3.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi menangani kenaikan harga, kerajaan merancang untuk melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang khusus dibuat untuk Krismas pada Disember 2023. Inisiatif ini, disertai dengan usaha promosi daripada pelbagai pengusaha makanan segera, dijangka dapat mengurangkan tekanan inflasi dalam kategori Makanan & Minuman Bukan Alkohol pada bulan-bulan berikutnya.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus turun negatif 1.5 peratus pada November 2023 selepas penurunan marginal negatif 0.3 peratus pada Oktober 2023.

Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan dalam semua sektor kecuali sektor Bekalan air yang meningkat 1.0 peratus pada bulan ini. Sektor Perlombongan menurun sebanyak negatif 4.7 peratus berbanding 0.5 peratus pada bulan sebelumnya, disebabkan oleh kemerosotan indeks Pengekstrakan gas asli (-15.2%). Sektor Pembuatan terus menurun sebanyak negatif 1.4 peratus berbanding negatif 0.7 peratus pada Oktober 2023, disebabkan oleh indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-11.7%) dan Pembuatan produk makanan (-4.5%). Pada masa yang sama, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan menurun sebanyak negatif 0.4 peratus (Oktober 2023: 3.8%) disebabkan oleh penurunan dalam Penanaman tanaman kekal (-1.5%). Selain itu, sektor Bekalan elektrik & gas juga turun sebanyak negatif 0.6 peratus.


Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan terus menurun sebanyak negatif 0.7 peratus pada November 2023 berbanding negatif 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Perlombongan mencatatkan negatif 4.7 peratus dengan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-5.7%) mencatatkan penurunan. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan turun negatif 0.5 peratus, dipengaruhi oleh indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-3.9%) dan Pembuatan produk makanan (-0.4%). Sektor Bekalan elektrik & gas juga turun negatif 0.2 peratus pada bulan ini. Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 1.3 peratus disumbangkan oleh Penanaman tanaman kekal (2.6%), dan sektor Bekalan air pula meningkat 0.2 peratus. (Jadual 7)

Jadual 7: Indeks Harga Pengeluar Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)					
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan		
				Nov 2023	Nov 2022	Okt 2023	Nov 2023	Nov 2022	Okt 2023
JUMLAH		100.00	118.2	3.2	-0.3	-1.5	0.6	-0.3	-0.7
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	123.2	-18.5	3.8	-0.4	5.5	-1.5	1.3
Perlombongan	B	7.93	99.0	2.4	0.5	-4.7	0.5	-1.3	-4.7
Pembuatan	C	81.57	120.1	6.2	-0.7	-1.4	0.2	-0.1	-0.5
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	117.3	1.4	-0.5	-0.6	-0.1	-0.6	-0.2
Bekalan air	E	0.33	118.8	4.2	1.0	1.0	0.2	0.8	0.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan sedikit peningkatan 0.3 peratus pada November 2023 (Oktober 2023: 5.3%), dengan indeks Bahan makanan & makanan untuk binatang mencatatkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus. Indeks Barang siap mencatatkan peningkatan 1.7 peratus (Oktober 2023: 2.2%), disumbangkan Kelengkapan modal (2.9%) dan Barangan pengguna siap (0.3%). Sebaliknya, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen menurun sebanyak negatif 3.4 peratus (Oktober 2023: -3.0%) disebabkan oleh penurunan indeks Bahan api yang diproses & pelincir (-14.7%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (-2.6%).



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara perbandingan dengan negara lain, IHPR United States of America meningkat sedikit 0.9 peratus berbanding 1.2 peratus pada Oktober 2023. IHPR Japan meningkat 0.3 peratus, perlahan daripada peningkatan 0.9 peratus pada bulan sebelumnya. Ini adalah yang terendah dicatatkan sejak deflasi pada Februari 2021, disebabkan oleh indeks minuman & makanan dan pulpa, kertas & produk berkaitan. Sementara itu, harga pengeluar China terus menurun 3.0 peratus selepas penurunan 2.6 peratus pada bulan sebelumnya, disebabkan faktor seperti kejatuhan harga minyak antarabangsa dan permintaan pasaran yang lemah untuk beberapa produk perindustrian. IHPR Taiwan juga terus turun sebanyak negatif 0.7 peratus (Oktober 2023: -0.3%) terutamanya disebabkan oleh bekalan gas, petroleum dan produk arang batu.

Walau apa pun, kekurangan minyak mentah yang berterusan dan konflik yang meruncing di Timur Tengah, faktor pasaran yang menaikkan harga pada September 2023 tiba-tiba berubah arah pada Oktober 2023. Pada awal November, harga minyak mentah Brent menjunam ke paras terendah dalam empat bulan sekitar \$80. Penjualan mendadak ini berpunca daripada peralihan tumpuan pasaran daripada risiko bekalan kepada keadaan ekonomi global dan permintaan minyak. Menurut Internasional Energy Agency (IEA), perdagangan pasaran hadapan juga berubah dengan jangkaan lebih bekalan yang akan menyebabkan penurunan harga. Selain itu, disebabkan oleh bekalan gas asli yang agak mencukupi di United States of America dan Europe, serta peningkatan dalam kapasiti eksport dan import global bagi gas asli cecair (LNG), bekalan dijangka kekal mencukupi untuk memenuhi permintaan gas asli global bagi musim sejuk 2023/2024 (November 2023 – Mac 2024). Walau bagaimanapun, terdapat risiko kepada keseimbangan ini, termasuk kemungkinan cuaca ekstrim dan gangguan bekalan. Harga LNG dijangka kekal lebih rendah secara konsisten, terutamanya didorong oleh simpanan gas asli yang lebih banyak di Eropah berbanding tahun sebelumnya.

Bank Dunia mengunjurkan ekonomi dunia akan menyederhana kepada 2.4 peratus pada tahun 2024 daripada 2.6 peratus didorong oleh ketegangan geopolitik dan dasar kewangan yang ketat. Pertumbuhan sederhana bagi ekonomi negara maju akan menjejaskan aktiviti perdagangan di negara membangun. Bank Negara Malaysia mengambil pendekatan neutral dengan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3.00 peratus pada 24 Januari 2024 berikutan jangkaan permintaan yang semakin baik dan kadar inflasi akan terus mereda. Anggaran awalan KDNK Malaysia menunjukkan pertumbuhan 3.4 peratus pada suku tahun keempat 2023, berbanding 3.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Ekonomi keseluruhan dijangka berkembang 3.8 peratus pada 2023 berbanding 8.7 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Perdagangan luar negeri pada November 2023 terus merosot dengan jumlah dagangan menurun 2.4 peratus kepada RM231.8 bilion berbanding November 2022 (RM237.6 bilion). Eksport mencatatkan pertumbuhan negatif 5.9 peratus kepada RM122.1 bilion (November 2022: RM129.7 bilion) dan import memulih dengan peningkatan 1.7 peratus kepada RM109.7 bilion (November 2022: RM107.9 bilion). Sementara itu, imbalan perdagangan merosot 43.1 peratus kepada RM12.4 bilion (November 2022: RM21.8 bilion). World Economic Situation and Prospects 2024 oleh UN DESA yang diterbitkan pada 4 Januari 2024 melaporkan bahawa perdagangan global kehilangan momentum sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi pada 2023. Prestasi perdagangan global didapati merosot dengan ketara berbanding pertumbuhan yang direkodkan pada 2022, dipengaruhi terutamanya oleh perdagangan barangan. Perubahan dalam perbelanjaan pengguna daripada barangan kepada perkhidmatan, polisi kewangan yang ketat, pengukuhan nilai dollar dan konflik geopolitik menjadi halangan kepada perdagangan global. Eksport dari ekonomi negara membangun menghadapi cabaran dengan permintaan daripada negara maju merosot dan senario kewangan menjadikan pembiayaan perdagangan lebih sukar. Walau bagaimanapun, perdagangan global dijangka pulih secara beransur-ansur pada 2024 dan 2025, disokong oleh negara berorientasikan eksport barangan pembuatan.

IPP pada November mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan 0.6 peratus (November 2022: 4.9%) disokong oleh sektor Perlombongan dan Elektrik yang masing-masing meningkat 1.9 peratus dan 4.2 peratus. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 0.1 peratus disumbangkan oleh output pengeluaran yang lebih rendah bagi industri berorientasikan eksport. Nilai jualan sektor pembuatan merosot 2.6 peratus kepada RM155.0 bilion (November 2022: RM159.2 bilion) didorong penurunan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik dan subsektor Peralatan elektrik & elektronik. Sektor Pembuatan dijangka pulih pada 2024, dipacu oleh pemulihan permintaan sektor luaran dan pertumbuhan permintaan domestik yang berdaya tahan secara berterusan. Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2024 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan, sektor Pembuatan dijangka berkembang 1.4 peratus, didorong oleh peningkatan industri berorientasikan eksport khususnya subsektor Elektrik & elektronik.

Perdagangan Borong & Runcit kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan 6.2 peratus kepada RM142.6 bilion berbanding November 2022. Subsektor Perdagangan Borong meningkat 6.2 peratus (RM63.2 bilion), Perdagangan Runcit meningkat 4.4 peratus (RM61.3 bilion) dan Kenderaan Bermotor meningkat 12.7 peratus (RM18.1 bilion). Melangkah ke Disember 2023, sektor Perdagangan Borong & Runcit dijangka mengekalkan pertumbuhan tahunan yang menggalakkan. Nilai jualan dijangka meningkat pada Disember berbanding November, disokong oleh perayaan Hari Krismas, cuti sekolah dan Jualan Akhir Tahun. Di samping itu, agihan e-dompet (e-MADANI) RM1 bilion berpotensi menyumbang kepada peningkatan nilai jualan Disember, terutamanya kepada subsektor Perdagangan Runcit.

Meneliti dari perspektif harga, peningkatan IHP bagi November 2023 terus mereda kepada 1.5 peratus berbanding 1.8 peratus pada Oktober 2023 dipengaruhi oleh penurunan dalam komponen Makanan & Minuman Bukan Alkohol dan Restoran & Hotel. Harga dijangka kekal stabil dalam beberapa bulan akan datang kesan daripada harga komoditi lebih stabil.

Tinjauan kepada pasaran buruh pula, bilangan penduduk pekerja pada November 2023 bertambah kepada 16.43 juta orang, meningkat 2.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (November 2022: 16.11 juta orang). Sementara itu, nisbah pekerjaan kepada penduduk meningkat 0.5 mata peratus kepada 67.8 peratus berbanding November 2022 (67.3%). Kadar pengangguran berkurang kepada 3.3 peratus selepas berada pada kadar 3.4 peratus dalam tempoh lima bulan berturut-turut. Pasaran buruh dijangka kekal menggalakkan berikutan permintaan domestik yang kukuh.

WAY FORWARD

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Indeks Pelopor pada November 2023 merosot 0.2 peratus kepada 109.8 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, pertumbuhan bulanan Indeks Pelopor memulih kepada 0.5 peratus daripada negatif 0.1 peratus pada Oktober 2023. Kelembapan dalam perdagangan global dan ketegangan geopolitik yang berterusan dijangka mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia dalam jangka pendek. Bagaimanapun, pelaksanaan agresif perbelanjaan pembangunan yang dirancang di bawah RMK12 akan menyuntik pasaran dengan dorongan yang amat diperlukan untuk meningkatkan ekonomi.



INDIKATOR EKONOMI

INDIKATOR	2023												SUMBER DATA
	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	
Perubahan Peratusan Tahunan (%)													
- Penggunaan Tempatan													
a. Perindustrian, Perniagaan dan Perkhidmatan ^p	2.0	0.8	0.5	5.4	3.2	-1.0	7.0	1.8	2.7	1.0	0.9	4.1	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Boleh
b. Kediaman dan Lampu Awam ^p	1.1	0.1	-3.8	-1.0	3.0	6.0	10.3	7.1	7.0	6.8	11.3	9.3	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Boleh
3.5 PERKHIDMATAN													
3.5.1 Perdagangan Borong & Runcit													
3.5.2 Indeks Kuantiti													
- Indeks Perdagangan Borong	0.6	1.1	0.3	3.8	6.7	3.4	5.3	4.5	6.6	6.1	5.7	4.7	Jabatan Perangkaan Malaysia
- Indeks Perdagangan Runcit	18.3	17.4	16.2	14.1	13.8	10.0	2.4	2.6	2.7	3.8	3.8	2.3	Jabatan Perangkaan Malaysia
- Indeks Kenderaan Bermotor	10.3	9.7	9.2	20.9	5.6	-9.0	18.0	3.1	20.4	8.7	5.9	15.8	Jabatan Perangkaan Malaysia
3.5.3 Kenderaan Bermotor													
- Pengeluaran Kenderaan													
a. Penumpang	13.0	28.0	38.5	26.1	30.1	-24.0	32.7	-2.1	30.3	-1.6	0.5	27.2	Persatuan Automotif Malaysia
b. Komersial	13.4	17.9	10.2	2.8	-9.1	-35.5	24.8	-15.7	6.0	-8.4	-12.3	7.4	Persatuan Automotif Malaysia
c. Jumlah	13.0	27.2	36.2	24.4	27.0	-24.8	32.1	-3.1	28.4	0.5	-0.4	25.8	Persatuan Automotif Malaysia
- Penjualan Kenderaan													
a. Penumpang	9.1	19.6	27.1	43.1	7.7	-19.1	26.1	-2.8	30.0	8.1	2.5	21.8	Persatuan Automotif Malaysia
b. Komersial	10.7	1.6	-19.9	44.8	7.8	-19.6	13.0	8.1	7.0	0.0	-13.2	13.7	Persatuan Automotif Malaysia
c. Jumlah	8.6	17.5	19.1	39.0	7.7	-19.1	22.0	-1.7	27.5	7.3	0.7	21.0	Persatuan Automotif Malaysia
- Pendaftaran Kenderaan Baru	0.4	-8.9	18.9	38.6	8.7	-24.6	9.0	-14.6	6.5	-6.0	-12.1	8.8	Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
3.5.4 Pelancongan													
- Kemasukan Pelancong ¹	8,938.9	5,009.0	4,921.7	4,751.5	3,739.0	2,936	131.3	72.8	69.3	55.7	42.0	n.a	Tourism Malaysia
3.5.5 Kewangan													
I Penawaran Wang													
- M1	3.8	4.3	2.6	1.9	0.9	-1.3	-1.5	-0.6	-1.3	-0.1	1.9	3.3	Bank Negara Malaysia
- M2	4.4	4.3	4.4	4.2	4.0	3.1	3.1	3.6	3.5	2.9	2.8	3.6	Bank Negara Malaysia
- M3	4.4	4.3	4.4	4.3	4.0	3.3	3.2	3.6	3.5	2.9	2.9	3.7	Bank Negara Malaysia
II Jumlah Pinjaman/Pembiayaan di Sistem Perbankan													
- Bank-bank Perdagangan	5.5	5.7	5.0	5.2	5.0	4.6	4.8	4.4	4.2	4.2	4.4	4.0	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Islam	2.0	1.9	1.3	1.5	1.4	0.9	1.3	1.2	0.9	1.2	1.7	1.1	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Syariah	11.5	12.0	10.9	11.1	10.8	10.5	10.5	9.4	9.3	8.7	8.5	8.5	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Saudagar	-2.2	9.2	10.4	10.1	13.3	14.7	14.6	16.7	18.8	18.4	14.5	12.5	Bank Negara Malaysia
III Jumlah Deposit Sistem Perbankan													
- Bank-bank Perdagangan	5.9	5.9	7.0	7.5	7.0	6.4	6.7	5.9	5.3	4.6	4.3	4.3	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Islam	3.8	3.7	5.1	5.7	5.3	5.4	5.4	4.6	4.2	4.2	4.3	3.7	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Syariah	10.6	10.8	11.1	11.6	11.3	8.6	10.1	8.8	7.6	5.4	5.3	5.5	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Saudagar	2.9	5.1	6.2	-2.0	-3.8	3.1	-4.8	0.4	0.1	0.8	8.5	3.6	Bank Negara Malaysia
IV Deposit Tetap, Deposit Tetap Tawarruq, Deposit Pelaburan Khusus dan Am													
- Bank-bank Perdagangan	5.2	6.5	6.1	7.2	8.9	10.0	10.2	9.5	8.6	7.2	6.8	6.1	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Islam	-0.5	1.1	1.8	2.4	5.4	6.0	6.4	6.6	6.7	6.8	6.6	6.1	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Syariah	14.0	14.3	12.6	14.8	14.5	15.9	16.1	13.6	11.4	7.9	7.1	6.1	Bank Negara Malaysia
